

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENYELIDIK**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred Q41	: P1T1	RM1651.31	-	P1T25	RM4100.35
	P2T1	RM1734.80	-	P2T25	RM4337.51
	P3T1	RM1821.92	-	P3T25	RM4595.24
Gred Q43	: P1T1	RM2626.57	-	P1T14	RM4356.87
	P2T1	RM2764.51	-	P2T14	RM4557.73
	P3T1	RM2908.50	-	P3T14	RM4780.37
Gred Q44	: P1T1	RM2626.57	-	P1T14	RM4356.87
	P2T1	RM2908.50	-	P2T14	RM4780.37
Gred Q47	: P1T1	RM3847.46	-	P1T8	RM5109.49
	P2T1	RM4035.01	-	P2T8	RM5347.86
	P3T1	RM4229.82	-	P3T8	RM5593.49
Gred Q48	: P1T1	RM3847.46	-	P1T8	RM5109.49
	P2T1	RM4229.82	-	P2T8	RM5593.49
Gred Q51	: P1T1	RM4329.04	-	P1T8	RM5591.07
	P2T1	RM4531.11	-	P2T8	RM5843.96
	P3T1	RM4740.44	-	P3T8	RM6104.11
Gred Q52	: P1T1	RM4329.04	-	P1T8	RM5591.07
	P2T1	RM4740.44	-	P2T8	RM6104.11
Gred Q53	: P1T1	RM4566.20	-	P1T8	RM5944.39
	P2T1	RM4753.75	-	P2T8	RM6210.59
	P3T1	RM4970.34	-	P3T8	RM6486.47
Gred Q54	: P1T1	RM4566.20	-	P1T8	RM5944.39
	P2T1	RM4970.34	-	P2T8	RM6486.47

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T3); atau

- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T5); atau

- (v) ijazah sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T6); atau

- (vi) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred M41: P1T9);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**LANTIKAN TERUS KE GRED
Q43, Q47, Q51 ATAU Q53**

- 3. Calon adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q43, Gred Q47, Gred Q51 atau Gred Q53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; dan

- (b) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan kepada bidang pembangunan dan penyelidikan (R & D).
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Q41, Q43, Q47, Q51 atau Q53 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai Penyelidik yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai Penyelidik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
7. Pegawai Penyelidik dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai Penyelidik yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
10. Pegawai Penyelidik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED Q44**
11. Pegawai Penyelidik Gred Q41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED Q48**
12. Pegawai Penyelidik Gred Q43/Q44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q52**

13. Pegawai Penyelidik Gred Q47/Q48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED Q54**

14. Pegawai Penyelidik Gred Q51/Q52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

15. Pegawai Penyelidik Gred Q53/Q54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].